

Dua kaki intai terima padah

Oleh HAFIZ ABBAS

mohdhafiz.abbas@kosmo.com.my

KUANTAN – Nafsu suka mengintai yang menguasai dua pelajar sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) membawa padah apabila mereka cedera dibelasah oleh sekumpulan lapan pelajar lain di sebuah stesen minyak di Semambu di sini kelmarin.

Kejadian pukul 12 malam itu berlaku selepas tindakan mereka mengintai kira-kira 10 pelajar perempuan melalui celah tingkap di sebuah rumah sewa disedari oleh salah seorang mangsa.

Wanita berusia dalam lingkungan 20-an itu kemudian bertindak menghubungi teman lakinya yang juga merupakan pelajar di situ.

Teman lelaki pelajar perempuan itu kemudian mengumpulkan rakan-rakannya untuk mencari dua lelaki terbabit dengan menaiki kereta.

Difahamkan, kesemua pelajar itu merupakan pelajar tahun akhir di IPTA tersebut.

Timbalan Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Bahagian Siasatan dan Perundangan Pahang, Supritendan Mohd. Haris Daud berkata, selepas puas mencari, teman le-



DUA kaki intai yang merupakan pelajar sebuah IPTA cedera di kepala dan badan selepas dibelasah sekumpulan lapan lelaki di stesen minyak di Semambu, Kuantan semalam.

laki gadis itu terserempak dengan dua pelajar berkenaan di sebuah stesen minyak.

“Mereka kemudian terus menyerang dua pelajar berkenaan dengan menggunakan tangan dan besi,” katanya kepada pemberita di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK)

Pahang semalam.

Tambahnya, dua pelajar tersebut bernasib baik apabila dapat melarikan diri dengan menunggang motosikal sebelum mendapatkan rawatan di Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA).

“Siasatan awal mendapati ke-

dua-dua pelajar tersebut pernah melakukan kegiatan mengintai sebelum ini dan kita telah mengenalpasti kesemua penyerangnya,” katanya.

Polis akan memanggil kesemua pelajar terlibat untuk memberi keterangan dalam waktu terdekat.